0AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : LOKAL

COVID-19: 60 TERKORBAN UNTUK TEMPOH 31 JULAI HINGGA SABTU LALU

# Angka kes kematian meningkat

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
am@hmetro.com.my

Putrajaya

Bilangan kes kematian akibat jangkitan Covid-19 di negara ini meningkat sebanyak 22.4 peratus pada Minggu Epidemiologi (ME) 31/2022 dari 31 Julai hingga Sabtu lalu.

Memperincikan mengenai peratusan itu, Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pada minggu berkenaan, sebanyak 60 kes kematian dilaporkan berbanding minggu sebelumnya 49 kes.

Menurutnya, turut menunjukkan peningkatan adalah jumlah kes baharu yang meningkat sebanyak 0.8 peratus atau daripada 28,339 kes kepada 28,554 kes.

"Daripada jumlah itu, kes tempatan meningkat sebanyak 0.8 peratus (28,286 kes kepada 28,499 kes) dengan kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara pula meningkat sebanyak 3.8 peratus (53 kes kepada 55 kes).

"Purata kes aktif setiap hari bagi ME 31/2022 adalah 45,941 iaitu terdapat penurunan sebanyak 2.6 peratus berbanding minggu sebelumnya," katanya dalam kenyataan, semalam.

> "Kes tempatan meningkat 0.8 peratus (28,286 kes kepada 28,499 kes)
> Dr Noor Hisham

Dr Noor Hisham berkata, peningkatan turut dilihat pada penggunaan katil bukan kritikal yang meningkat sebanyak dua peratus.

"Bagi penggunaan katil di Unit Rawatan Rapi, ia tiada perubahan dan kekal kepada 14 peratus manakala penggunaan katil di Pusat Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) menurun sebanyak dua peratus.

"Peratusan pesakit Covid-19 memerlukan alat bantuan pernafasan (ABP) meningkat sebanyak 0.1 peratus berbanding minggu sebelumnya.

"Jumlah kemasukan pesakit Covid-19 ke fasiliti kesihatan (hospital dan PKRC awam) bagi setiap 100,000 penduduk pada ME 31/2022 bagi kategori satu dan dua kekal di tahap 3.8 peratus manakala kategori tiga hingga lima kekal 3.5 peratus.

"Bagi kes positif Covid-19 yang dipantau oleh Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) di seluruh negara, ia menunjukkan sedikit penurunan pada kadar 1.7 peratus serta kes yang menjalani pemantauan di rumah menurun 1.5 peratus.

"Selain itu, kes Covid-19 yang dirujuk CAC ke PKRC dan hospital menurun sebanyak 20.9 peratus serta kes yang dipantau dengan CAC Maya meningkat 2.2 peratus iaitu daripada 64,743 kes kepada 66,182 kes," katanya.

Mengulas hasil survelan Covid-19 di lokasi sentinel seluruh negara, Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 118 sampel Penyakit Seperti Influenza (ILI) dikesan positif dengan kadar positif sebanyak 15.3 peratus.

"Bagaimanapun, tiada sampel pesakit Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI) yang dikesan positif Covid-19 dengan kadar positif kekal sifar peratus," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

# Kemasukan pesakit ke fasiliti perubatan tidak berubah

**PUTRAJAYA** – Jumlah kemasukan pesakit Covid-19 ke fasiliti perubatan bagi setiap 100,000 penduduk pada Minggu Epidemiologi (ME) ke-31 dilaporkan tidak menunjukkan sebarang perubahan dan kekal sama berbanding ME sebelumnya.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah kemasukan pesakit bagi kategori satu dan dua kekal pada 3.8 peratus, manakala bagi kategori tiga, empat dan lima kekal pada 3.5 peratus.

"Selain itu, penggunaan katil bukan kritikal pula meningkat sebanyak 2 peratus selain pengisian katil di unit rawatan rapi (ICU) kekal pada jumlah 14 peratus dan di Pusat Kawalan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) turun 2 peratus.

"Peratusan pesakit memerlukan alat bantuan pernafasan pula meningkat sebanyak 0.1 peratus pada ME 31/2022 berbanding ME sebelumnya," katanya dalam kenyataan semalam.

Katanya, bilangan pesakit yang datang ke Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) juga menurun sebanyak 1.7 peratus, manakala jumlah kes baharu yang menjalani pemantauan di rumah turun sebanyak 1.5 peratus.

"Bilangan kes Covid-19 yang dirujuk CAC ke PKRC dan hospital juga menurun sebanyak 20.9 peratus," jelasnya.

Dalam perkembangan sama, sebanyak 2,728 kes Covid-19 dilaporkan kelmarin termasuk dua kes import sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan jangkitan di negara ini sebanyak 4,670,577.

> Peratusan pesakit memerlukan alat bantuan pernafasan pula meningkat sebanyak 0.1 peratus pada ME 31/2022 berbanding edisi sebelumnya."
>
> **DR. NOOR HISHAM**

Berdasarkan data *COVIDNOW*, sejumlah 3,856 kes sembuh direkodkan dengan jumlah keseluruhan pesakit pulih seramai 4,626,756 orang.

Kata laman web itu, sebanyak 45,770 kes aktif Covid-19 dilaporkan.

Sementara itu, sebanyak enam kematian dilaporkan tanpa sebarang kes meninggal dunia di luar hospital atau *brought-in-dead* (BID) seterusnya menjadikan jumlah kematian sebanyak 36,026.

Jumlah kematian BID pula sebanyak 7,655 setakat ini.

Sebanyak 44,159 kes di kuarantin di rumah, 30 kes di PKRC, 1,529 kes di hospital, 16 kes di Unit Rawatan Rapi (ICU) tanpa bantuan pernafasan dan 36 kes di ICU dengan bantuan pernafasan.

KERATAN AKHBAR 9 OGOS 2022

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATION

# Increase in Covid-19 cases and fatalities

**KUALA LUMPUR:** The number of new Covid-19 cases increased by 0.8% to 28,554 cases in the 31st epidemiological week (ME 31) from July 31 to Aug 6. Among the cases, 28,499 were locally transmitted and 55 imported.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said for the same period, the number of fatalities rose to 60 cases, a 22.4% jump, compared with 49 reported in the previous week.

"The number of recovered cases in ME 31 decreased by 7.2%, from 30,837 cases to 28,604 cases.

"The average number of active cases per day for ME 31 is 45,941, a 2.6% drop compared with the previous week," he said in a statement yesterday.

According to Bernama, the number of admissions of Covid-19 patients to public hospitals as well as the Quarantine and Treatment Centres (PKRC) per 100,000 population remained at 12 for ME 31.

Dr Noor Hisham said bed occupancy at the Intensive Care Unit remained at 14%; PKRC beds occupancy decreased by 2% while non-critical beds recorded 2% increase.

In addition, the percentage of Covid-19 patients requiring respiratory support rose by 0.1% in ME 31 compared with the previous week.

He said positive cases monitored by the Covid-19 Assessment Centres (CAC) showed a slight drop.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEWS WITHOUT BORDERS

# Rise in Covid-19 cases, fatalities: Noor Hisham

**KUALA LUMPUR:** The number of new Covid-19 cases has increased by 0.8% to 28,554, in the 31st epidemiological week (ME) from July 31 to Aug 6, comprising 28,499 local cases and 55 imported cases.

Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said for the same period, the number of fatalities due to Covid-19 increased to 60 cases, compared with 49 cases reported in the previous week, which is a 22.4% jump.

"The number of recovered cases decreased by 7.2%, from 30,837 to 28,604.

"The average number of active cases per day for ME31 is 45,941, a 2.6% drop compared with the previous week," he said in a statement yesterday.

Meanwhile, the number of admissions of Covid-19 patients to public hospitals, quarantine and treatment centres per 100,000 population remained at 12 for ME31.

Noor Hisham said bed occupancy at intensive care units remained at 14%; it decreased by 2% at treatment centres, while non-critical beds recorded an increase of 2%.

In addition, the percentage of Covid-19 patients who require respiratory support equipment increased by 0.1% in ME31 compared with ME30.

He said positive cases nationwide, monitored by the Covid-19 Assessment Centres (CAC), showed a slight drop.

"The number of patient arrivals to CAC fell by 1.7%; new cases undergoing monitoring at home dropped by 1.5% while cases referred by CAC to treatment centres and hospitals decreased by 20.9%." – Bernama